

MAHATHIR-JIMAT

1983

KUALA LUMPUR, 30 JULAI (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN KERAJAAN TERMASUK MENGHADKAN TUNTUTAN PERJALANAN BAGI SETIAP KAKITANGAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI TIDAK MENGHURAIKAN DENGAN TERPERINCI LANGKAH ITU KERANA KATANYA KETUA SETIAUSAHA NEGARA, TAN SRI HASHIM AMAN AKAN MENGELUARKAN SURAT PEKELILING KEPADA JABATAN KERAJAAN DI SELURUH NEGARA.

+SUDAH TENTU KAMI MEMPUNYAI LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN KERAJAAN DAN INI TERMASUK MENGGUNAKAN EKONOMI LABEL DI SAMPULSURAT KERAJAAN,+ TAMBAH BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM YANG HADIR SAMA BERKATA LANGKAH PENJIMATAN ITU TERMASUK MEMINTA KAKITANGAN KERAJAAN MENGURANGKAN PENGGUNAAN ELEKTRIK DAN ALAT HAWA DINGIN SERTA MENGURANGKAN PANGGILAN TELEFON YANG TIDAK PERLU. -- LAGI 1637/OM NNNN

ZCZC B399:

MAHATHIR - JIMAT 2 KUALA LUMPUR

BAGAIKANAPUN PERDANA MENTERI MENJELASKAN MEMANDANGKAN NEADAAN EKONOMI BERANSUR PULIH LANGKAH PENJIMATAN ITU AKAN HANYA MERUPAKAN TINDAKAN SEMENTARA.

+SEBARANG LANGKAH YANG KITA AMBIL SEKARANG TIDAK AKAN BERPANGJANGAN DAN LEBIH MERUPAKAN SEMENTARA SAHAJA SEHINGGA KEADAAN EKONOMI PULIH SEPerti SEDIAKALA,+ TAMBAH BELIAU.

ADALAH DIFAHAMKAN JABATAN PERDANA MENTERI TELAH MENETAPKAN HAD TUNTUTAN PERJALANAN BAGI SETIAP PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN SEJAJAR DENGAN LANGKAH BERJIMAT CERMAT ITU.

SURAT PEKELILING MENGENAINYA YANG DITANDATANGANI OLEH TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA JPM, DATUK ALWI JANTAN TELAH PUN DIEDARKAN KEPADA KETUA JABATAN DAN BAHAGIAN JPM 20 JULAI LALU.

BAGI PEGAWAI TINGKATAN TERTINGGI 'E' KE ATAS, MEREKA HANYA DIBENARKAN MEMBUAT TUNTUTAN TIDAK MELEBIHI \$1,000 SEBULAN MANAKALA TINGKATAN TERTINGGI YANG LAIN DAN KATEGORI A, TIDAK MELEBIHI \$600.

BAGI PEGAWAI KATEGORI 'B' JUMLAH TUNTUTAN PERJALAN TIDAK DIBENARKAN MELEBIHI \$400, KATEGORI 'C' \$200 DAN KATEGORI 'D' TIDAK MELEBIHI \$100 SEBULAN. -- LAGI 1641/OM

B602 PARA KEEMPAT HARAP BACA..... DATUK MUSA (ULANG DATUK MUSA) BERKATA LANGKAH ITU (UKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR).
-- BERNAMA 1759/MK
ULANGAN PEMBETULAN:

MAHATHIR-IMAT 3, KUALA LUMPUR

DITANYA SAMADA LANGKAH ITU AKAN MENYUKARKAN KAKITANGAN YANG TERPAKSA MENJALANKAN KERJA LUAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR SECARA BERSELOROH BERKATA +TUNTUTAN YANG LEBIH DARI DIHADKAN, KENALAH BAYAR DUIT SENDIRI+.

BELIAU MEMERANGKAN ELAUN PERJALANAN ADALAH UNTUK MENAMPUNG PERBELANJAAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS LUAR DAN BUKAN UNTUK DIJADIKAN WANG UNTUK MEMBAYAR BALIK PINJAMAN KENDERAAN.

+MALANGNYA SETENGAH-SETENGAH KAKITANGAN MENGGUNAKAN ELAUN PERJALANAN UNTUK MEMBAYAR BALIK PINJAMAN KENDERAAN,+ TAMBAHNYA.

DATUK MUSA BERKATA LANGKAH ITU BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBANTU KERAJAAN MENGURANGKAN PERBELANJAAN TETAPI JUGA MERUPAKAN AMALAN BIASA DALAM KEADAAN EKONOMI SEKARANG.

+KESUSAHAN YANG DIALAMI OLEH KAKITANGAN KERAJAAN HARUS DIBAHAGIKAN SUPAYA SEMUA DAPAT BERSAMA-SAMA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBANTU KERAJAAN DALAM LANGKAH BERJIMAT-JIMAT+.

DUA HARI LALU, PERDANA MENTERI TELAH PUN MENGUMUMKAN HAD TUNTUTAN PERJALANAN SEBANYAK \$1,000 BAGI SEMUA PERLANTIKAN POLITIK TERMASUK SETIAUSAHA POLITIK DAN SETIAUSAHA AKHBAR. -- BERNAMA